

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	03 JANUARY 2017

# Dr. M tiada hak tentukan ibadah sah atau tidak

UM - 3/1/2017

Oleh MOHD. HAFIZ ABD. MUTALIB  
dan ZAMZURINA AHMAD  
utusankelantan@utusan.com.my

## ■ KOTA BHARU 2 JAN.

**M**UFTI Kelantan, Datuk Mohamad Shukri Mohamad menyifatkan bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamed tidak ada hak menentukan sama ada sesuatu ibadah itu sah atau sebaliknya.

Beliau menegaskan, sebagai manusia, sesiapa sahaja termasuk Dr. Mahathir sendiri tidak boleh mengetahui sama ada amalan seorang itu diterima atau ditolak kerana semua itu adalah urusan Allah SWT.

Dalam masa sama, katanya, Dr. Mahathir juga tidak boleh menuduh dana melalui Program Khas Haji Perdana Menteri-Yayasan 1Malaysia Development Berhad (IMDB) sebagai tidak halal kerana perkara itu masih belum jelas dan tidak dapat dibuktikan lagi kesahihannya.

"Sama ada amalan seseorang diterima Allah, sama ada seseorang itu mendapat haji mabrur atau tidak, hanya Allah menentukan. Tugas kita hanya melaksanakan tanggungjawab, diterima atau tidak diserahkan kepada Allah.

"Dalam diri kita sebagai umat Islam yang menunaikan segala kewajiban mesti ada rasa takut, takut tidak diterima. Namun pada masa sama kita juga diajar supaya menaruh harapan agar setiap amalan tersebut diterima," katanya kepada *Utusan Malaysia* di sini hari ini.

Baru-baru ini, Dr. Mahathir yang juga Pengerusi Parti Pribumi Bersatu Malaysia (PPBM) menyifatkan orang yang melaksanakan ibadah haji melalui program 1MDB tidak mendapat haji mabrur.

Dakwanya, haji yang tidak mabrur itu berpunca daripada duit penajaan program tersebut kononnya haram kerana dicuri



MOHAMAD SHUKRI MOHAMAD

## Haji 1MDB tidak mabrur - Dr. Mahathir

**KUALA LUMPUR 30 Dis.** - Bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamed menyifatkan orang yang melaksanakan ibadah haji melalui Program Khas Haji Perdana Menteri-Yayasan 1Malaysia Development Berhad (IMDB) tidak mendapat haji yang mabrur.

Pengerusi Parti Pribumi Bersatu Malaysia (PPBM) itu membuat dakwaan berkenaan sewaktu berorator di Taman Wira Merdeka

Alor Setar, Kedah, baru-baru ini. Katanya, haji yang tidak mabrur itu berpunca daripada duit penajaan program tersebut kononnya haram kerana dicuri oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak.

"Haji boleh mengahut 1,000 orang ke tanah suci kerana dia menggunakan duit curi, jadi pengahutan mereka ini ke Mekah adalah tidak mabrur.

"Apa yang jadi saya ingat mere-

ka tidak mendapat haji mabrur, tetapi Haji sanggup melakukan apa sahaja," katanya.

Dalam masa sama, beliau memburukkan Perdana Menteri kononnya tergamak menggunakan duit curi semata-mata mahu 'membedi' hati rakyat.

"Inilah sikap Haji yang sanggup melakukan apa sahaja dan seing-

ka tidak mendapat haji mabrur, tetapi Haji sanggup melakukan apa sahaja," katanya.

Dalam masa sama, beliau memburukkan Perdana Menteri kononnya tergamak menggunakan duit curi semata-mata mahu 'membedi' hati rakyat.

"Inilah sikap Haji yang sanggup melakukan apa sahaja dan seing-

KERATAN *Utusan Malaysia* 31 Disember 2016.

**Kenyataan beliau (Dr. M) jelas mengelirukan umat Islam sedangkan Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan membenarkan kita menerima wang daripada kerajaan. Sama ada wang itu sumber 1MBD, ia adalah daripada kerajaan."**

**ABDUL RAHMAN OSMAN**  
Mufti Pahang



oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak.

Sebelum itu, Dr. Mahathir menyamakan pemberian Bantuan Rakyat 1Malaysia (BR1M) dengan rasuah.

Di **KUANTAN**, Mufti Pahang, Datuk Seri Dr. Abdul Rahman Osman menyifatkan kenyataan Dr. Mahathir sebagai mengelirukan kerana hanya Allah SWT yang layak menentukan sama ada ibadah haji seseorang itu mabrur atau sebaliknya.

Kata beliau, hal demikian sama seperti solat sama ada khushyuk atau sebaliknya dan terpulang kepada Allah SWT menentukannya meskipun sah dari segi syarat dan rukun.

"Kenyataan beliau (Dr. M) jelas mengelirukan umat Islam sedangkan Jawatankuasa Fatwa

Kebangsaan membenarkan kita menerima wang daripada kerajaan. Sama ada wang itu sumber 1MBD, ia adalah daripada kerajaan.

"Sama seperti pemberian gaji kepada penjawat awam. Hasilnya daripada pelbagai sumber termasuk cukai dan tidak perlu mempertikaikannya sehingga menimbulkan keraguan dalam kalangan masyarakat," katanya.

Menurut Abdul Rahman, pemberian kerajaan sama ada dalam bentuk wang atau apa sahaja boleh digunakan untuk pelbagai tujuan termasuk menunaikan haji.

"Ulama juga sepatat dan jelas menyatakan umat Islam boleh menerima pemberian kerajaan dan menggunakannya. Kitab-kitab fikah juga membenarkan rakyat menerima wang daripada kerajaan. Kalau kita kata tidak boleh, bermakna bercanggah dengan ketetapan dan boleh didakwa," katanya.